

19 SEP 1998

Komanwel-Tinju (Akhir)

KEPUTUSAN MENGEJUT MUNGKIN BERLAKU

KUALA LUMPUR, Sept 19 (Bernama) -- Di atas kertas, pemenang pingat emas Sukan Komanwel Victoria, Michael Strange tidak akan menghadapi masalah untuk mengetuai tiga lagi peninju Kanada untuk meraih pingat emas pada pusingan akhir pertandingan tinju Sukan Komanwel Ke-16 esok.

Strange, penyandang juara kategori 63.5kg, menunjukkan persembahan yang meyakinkan bersama-sama rakan sepasukannya Jeremy Molitor (67kg), Mark Simmons (91kg) dan Troy Amos (81kg), untuk mengulangi pencapaian empat pingat emas empat tahun lepas.

Kanada, yang dianggap sebagai kuasa sukan tinju pada Sukan Komanwel, kelihatan sukar digugat.

Namun demikian, aksi di di Stadium Malawati, Shah Alam tidak akan sunyi dari keputusan-keputusan mengejut. Kekalahan Rowan Donaldson, penyandang juara 75kg pada peringkat suku akhir adalah satu daripadanya.

Begitu juga dengan persembahan cemerlang peninju India, Jitender Kumar di dalam kategori (75kg) dan Gerry Legras dari Seychelles yang kini menjadi penghalang terakhir kepada Strange untuk mempertahankan pingat emasnya.

Ketika bertemu Casey John dari Australia pada separuh akhir, Legras menguasai lawannya dengan gaya Muhammad Ali untuk memenangi perlawanan dengan kiraan 31-11 mata.

Wira tempatan, Sapok Biki akan bertemu dengan peninju Kenya, Moses Kinyua untuk memburu pingat emas tinju pertama Malaysia pada Sukan Komanwel.

Berdasarkan kepada persembahannya di dalam pusingan sebelum ini, Kinyua tentunya menjadi peserta pilihan. Tetapi dengan sokongan padu penyokong tempatan dan mungkin juga dengan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sapok mungkin akan mencipta sejarah esok.

Sapok, yang menjulang gambar Dr Mahathir selepas kejayaan bersejarah beliau ke atas peninju England, Gary Jones, berkata bahawa kejayaan beliau itu dihadiahkan kepada tokoh pujaannya.

Tetapi, bagi peminat berkecuali, kekalahan Moses bukan sahaja akan memeranjatkan, tetapi ia mungkin sesuatu yang diluar dugaan berdasarkan kepada persembahan cemerlang beliau setakat ini.

Seperti kata jurulatih Kenya, "Saya yakin 99 peratus daripada pingat emas adalah milik kami. Saya tidak kata 100 peratus kerana ia juga bergantung kepada mutu pengadilan dan penghakiman.

"Jika mutu pengadilan pada hari Ahad ini baik, kami akan memenangi pingat emas," kata Matito, menggambarkan keyakinan beliau terhadap peninjunya itu.

Terdapat beberapa kritikan terhadap mutu pengadilan termasuk bantahan rasmi oleh Ghana. Pengurus pasukan Malaysia Abdullah Siok turut melahirkan kekecewaannya terhadap kekalahan Adnan Yusof dan Rakib Ahmad yang didakwanya akibat mutu pengadilan yang buruk.

Pengurus pasukan England Ian Irwin, yang membantah kononnya pengadil tidak mengambil kira tumbukan Jones ke badan lawannya dan menyebabkan beliau tewas dengan kiraan 11-15 mata.

Tidak dipertikaikan lagi bahawa pengadilan akan menjadi faktor yang penting. Tetapi adalah tidak adil untuk menyalahkan pengadil semata-mata apabila setiap keputusan di luar jangkauan berlaku.

-- BERNAMA.

AZG MZ